

Susulan buli siber

Modul PEKA bantu ibu bapa tangani ancaman

Mampu jadi sokongan pencegahan buli siber: LPPKN

Oleh Suzalina Halid
suzalina@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) mampu bertindak sebagai sokongan dalam membantu ibu bapa menangani ancaman buli siber terhadap anak mereka.

Pemangku Pengarah Bahagian Kesejahteraan LPPKN, Azlan Shah Nasarudin, berkata modul yang diperkenalkan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada

2017 itu menitikberatkan peranan ibu bapa dalam mencegah anak mereka terbabit dalam budaya buli siber.

Katanya, peranan ibu bapa penting dalam 'menyelamatkan' anak mereka daripada menjadi ancaman buli siber berikutan kanak-kanak berisiko tinggi menjadi mangsa jenayah siber.

"Ibu bapa, penjaga dan masyarakat perlu sedar risiko terhadap anak dalam penggunaan internet, seterusnya tahu cara melindungi mereka dan tahu tindakan yang perlu diambil," katanya kepada *BH*, di sini.

Antara objektif modul PEKA itu ialah untuk memberi ibu bapa kesedaran dalam isu siber, selain pengetahuan berkaitan pencegahan dan kawalan penggunaan internet.

Azlan Shah berkata, ibu bapa perlu menjadi pendengar yang baik kepada setiap luahan anak kerana ia adalah komunikasi pa-

ling berkesan.

Katanya, luangkan banyak masa berkualiti bersama anak dan ahli keluarga kerana ia boleh menjadi faktor pelindung anak daripada menjadi mangsa buli siber.

"Ibu bapa seharusnya menjadi ejen sosialisasi kepada anak dalam pembelajaran kehidupan harian dengan ibu bapa dijadikan rujukan kepada anak untuk meluahkan masalah dan tidak bergantung kepada media sosial sehingga mengundang kepada ancaman buli siber," katanya.

Azlan Shah berkata, sehingga kini PEKA sudah melaksanakan 186 kursus di seluruh negara, membabitkan kira-kira 5,000 peserta.

Menerusi penganjuran kursus itu, katanya, kajian mendapati 98.2 peratus daripada 435 peserta mengakui terdapat perubahan positif hasil daripada amalan PEKA dalam mengawal dan per-

hubungan bersama anak mereka.

"Kita menggalakkan lebih ramai ibu bapa terbabit dalam kursus keibubapaan yang dianjurkan LPPKN mahupun pihak luar supaya mereka mempunyai lebih banyak ilmu tambahan dalam soal pendidikan terhadap anak khususnya dalam aspek buli siber.

"Ini kerana pengaruh internet terhadap kanak-kanak ini sangat besar. Melalui kajian kes, ada antara mereka menurun dari segi pelajaran disebabkan oleh 'ikatan' yang sangat kuat dengan media sosial," katanya.

Bagaimanapun, katanya, selaras Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0), ibu bapa perlu bijak menjadikan keperluan internet itu sebagai satu aspek positif melalui kemahiran penggunaannya bagi mengelakkan mereka ketinggalan dalam bidang teknologi.